

Peluang BN tak terjejas: Najib

Taktik lama pembangkang tubuh pakatan gagal kerana fahaman berbeza

Pilihan raya kecil DUN Machap

PEKAN: Datuk Seri Najib Razak berkata, pembangkang mungkin menggunakan taktik lama mengadakan pakatan untuk menghadapi Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Machap, Melaka 12 April ini dan DUN Ijok, Selangor.

Timbalan Perdana Menteri berkata, walaupun menyedari pakatan itu tidak sekukuh dan sepadu BN, namun pembangkang terpaksa menggunakan taktik yang tidak mungkin berjaya kerana dasar dan fahaman setiap parti pembangkang itu berbeza.

"Ia (pakatan antara parti pembangkang) bukan perkara baru, mereka tidak sekukuh dan sepadu BN.

"Mereka cuba meniru BN, tetapi jelas sekali mereka curiga antara satu sama lain, banyak dasar berbeza antara parti dengan parti lain," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran program Permodalan Nasional Berhad (PNB) Endah Peringkat Nasional di Kampung Nenasi Pantai, Mukim Bebar, di sini, semalam.

Pada majlis itu, Najib turut merasmikan Pusat Komuniti Pintar PNB yang pertama seumpamanya di negara ini berfungsi sebagai pusat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), tuisyen, pusat sumber bagi masyarakat setempat dan sekitarnya.

Pusat berharga RM500,000 dibiayai sepenuhnya PNB menempatkan kemudahan termasuk 15 komputer pe-

“Nampaknya, pemilihan calon amat tepat sekali, parti lawan tak dapat timbulkan isu tempatan yang banyak dapat diselesaikan kerajaan negeri dan pusat. Mereka bawa isu tertentu saja”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

ribadi, pencetak, pelayan dan rangkaian yang membolehkan masyarakat setempat menikmati kemudahan ICT secara menyeluruh.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman.

Najib berkata, pada keseluruhannya, sentimen ditunjukkan pengundi menjelang Pilihan Raya Kecil DUN Machap begitu positif kepada BN apabila calonnya, Lai Meng Chong terus mendapat sambutan baik semua kaum di kawasan berkenaan.

"Nampaknya pemilihan calon amat tepat sekali, parti lawan tak dapat timbulkan isu tempatan yang banyak dapat diselesaikan kerajaan

negeri dan pusat. Mereka bawa isu tertentu saja. Saya percaya prestasi BN pada kali ini akan menepati apa yang kita jangkakan," katanya.

Ditanya sasaran BN pada pilihan raya kecil itu, Najib yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata, BN tiada sasaran tertentu, tetapi secara umumnya beliau berharap keputusan pilihan raya kecil DUN Machap lebih baik berbanding Pilihan raya Umum 2004.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau meminta pengundi yang tinggal di luar kawasan DUN Machap supaya pulang menunaikan tanggungjawab mengundi.

"Oleh kerana pengundian pada hari bekerja iaitu Khamis 12 April, saya minta majikan memahami tanggungjawab mereka untuk menggalakkan pekerja mengundi," katanya.